

| | |
|-----------|---|
| 1. | Apakah maksud penukaran ini? |
| | Penukaran ini adalah penukaran Kad Kredit-i BSN sedia ada yang berasaskan Ujrah kepada konsep Tawarruq (“Aktiviti Penukaran”). |
| 2. | Bilakah Aktiviti Penukaran ini akan dilakukan? |
| | Aktiviti Penukaran akan berkuat kuasa pada *21 Jun 2025 (“Tarikh Kuat Kuasa”). <i>*Sekiranya Aktiviti Penukaran tidak dapat dilakukan pada atau sebelum Tarikh Kuat Kuasa, Bank akan memaklumkan kepada anda Tarikh Kuat Kuasa yang baru melalui notis yang dipaparkan di laman web rasmi Bank (wwwbsn.com.my).</i> |
| 3. | Apakah Kad Kredit-i yang terlibat dalam Aktiviti Penukaran ini? |
| | Kad Kredit-i yang terlibat dalam Aktiviti Penukaran ini adalah seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> • Kad Kredit BSN Al-Aiman Visa/Mastercard Klasik • Kad Kredit BSN Al-Aiman Visa/Mastercard Emas • Kad Kredit BSN Al-Aiman Visa/Mastercard Platinum • Kad Kredit BSN-Teachers Al-Aiman Emas • Kad Kredit BSN G-Card Al-Aiman Visa • Kad Kredit BSN-UUM Al-Aiman Mastercard Emas • Kad Kredit BSN-UUM Al-Aiman Mastercard Platinum |
| 4. | Apakah konsep Syariah yang baharu selepas Aktiviti Penukaran ini? |
| | <p>Konsep Syariah yang diguna pakai adalah Tawarruq (Murabahah Komoditi) yang melibatkan dua kontrak jual beli. Kontrak pertama melibatkan penjualan aset oleh penjual (Bank) kepada pembeli (Pelanggan) secara Murabahah dengan pembayaran bertangguh. Seterusnya, pembeli (Pelanggan) bagi urus niaga penjualan yang pertama akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan serta merta.</p> <p>Dengan mengekalkan dan meneruskan penggunaan Kredit Kad-i selepas Tarikh Kuat Kuasa, Anda adalah bersetuju dengan Kad Kredit-i BSN berdasarkan konsep Tawarruq seterusnya memasuki kontrak Wakalah (kontrak Perwakilan) dengan mengguna pakai struktur ‘dwi-wakil’ di mana anda melantik Bank sebagai ejen anda untuk membeli komoditi daripada Bank berdasarkan Murabahah pada Harga Jualan Bank dengan pembayaran bertangguh. Sebagai Ejen Jualan anda, Bank akan menjual komoditi tersebut kepada pembekal komoditi secara tunai pada Harga Pembelian Bank. Hasil daripada transaksi ini akan dikreditkan untuk kegunaan anda. Anda dengan itu diwajibkan membayar jumlah yang terhutang dari transaksi Murabahah mengikut termasuk yang dipersetujui.</p> <p>“Komoditi” bermaksud mana-mana komoditi yang diterima oleh Bank seperti aluminium, resin plastic, minyak sawit, getah, biji koko, kacang soya, kayu dan logam (tidak termasuk emas dan perak) yang didagangkan di mana-mana platform dagangan komoditi yang diluluskan oleh Bank. Pembelian dan penjualan komoditi dilakukan berdasarkan mandat pelanggan, di mana Bank sebagai Ejen Pembelian dan Ejen Jualan berdagang komoditi seperti yang disediakan dan penyedia yang tertakluk pada polisi-polisi Bank yang terpakai.</p> |

| | |
|------------|--|
| 5. | Apakah yang saya perlu lakukan bagi Aktiviti Penukaran ini? |
| | Tiada tindakan diperlukan dari pihak anda dan anda boleh terus menggunakan perkhidmatan kami. |
| 6. | Adakah terdapat sebarang perubahan pada akaun Kad Kredit-i saya? |
| | <p>Tidak. Nombor Kad Kredit-i, PIN dan had kemudahan anda akan kekal tidak berubah selepas Aktiviti Penukaran. Baki tertunggak semasa dan kadar caj keuntungan juga akan kekal tidak terjejas.</p> <p>Kesemua mandat sedia ada yang berkaitan dengan operasi Kad Kredit-i anda akan kekal berkuat kuasa kecuali dan sehingga dipinda atau dibatalkan oleh pihak anda.</p> |
| 7. | Adakah terdapat sebarang perubahan pada ciri-ciri produk / perkhidmatan sedia ada yang terlibat? |
| | <p>Tidak. Ciri-ciri produk (termasuk yuran dan caj) dan kesemua perkhidmatan sedia ada yang anda sedang nikmati adalah kekal tanpa sebarang perubahan.</p> <p>Untuk perkhidmatan pembayaran seperti <i>auto-billing</i>, arahan tetap dan bayaran takaful/insurans termasuk Pelan Perlindungan Kad Kredit BSN di bawah Kad Kredit-i semasa anda akan kekal tidak terjejas.</p> |
| 8. | Adakah saya perlu menandatangani perjanjian baharu dengan pihak Bank untuk Aktiviti Penukaran ini? |
| | Tidak. Dengan mengekalkan dan menggunakan Kad Kredit-i anda bersama kami selepas penukaran, anda telah dianggap memberikan persetujuan untuk melantik Bank sebagai ejen anda untuk melaksanakan dan melakukan semua tindakan untuk pembelian dan penjualan aset mengikut Terma dan Syarat di bawah konsep Tawarruq |
| 9. | Adakah akan ada yuran atau caj baru yang diperkenalkan? |
| | Tiada yuran atau caj baru yang akan diperkenalkan. Yuran dan caj semasa akan kekal tidak berubah. |
| 10. | Semasa Aktiviti Penukaran, adakah saya masih boleh menggunakan Kad Kredit-i untuk pembelian atau transaksi lain? |
| | Ya. Semua fungsi dan perkhidmatan berkaitan, termasuk akses perbankan internet, akan terus tersedia untuk kemudahan anda. Jika anda mengalami sebarang gangguan perkhidmatan, sila hubungi Pusat Perhubungan Pelanggan BSN di 1300-88-1900. |
| 11. | Adakah saya mempunyai pilihan lain jika saya tidak berhasrat untuk penukaran Kad Kredit-i sedia ada saya? |
| | <p>Pada Tarikh Kuat Kuasa, Bank akan menghentikan serta-merta penawaran Kad Kredit-i berdasarkan konsep Ujrah.</p> <p>Di samping itu, penukaran ini akan dijalankan tanpa sebarang caj tambahan. Semua ciri-ciri, fungsi dan perkhidmatan semasa Kad Kredit-i anda kekal tidak berubah.</p> |

| | |
|-----|--|
| 12. | Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya saya tidak bersetuju dengan penukaran ini? |
| | <p>Sekiranya anda memutuskan untuk menarik diri dari Aktiviti Penukaran ini, anda boleh membuat pembatalan Kad Kredit-i melalui emel kepada customercare@bsn.com.my sebelum Tarikh Kuat Kuasa.</p> <p>Dengan membuat permohonan pembatalan Kad Kredit-i, keseluruhan baki tertunggak termasuk yuran pengurusan perlu dibayar dengan sepenuhnya.</p> |
| 13. | Apakah yang perlu saya lakukan jika saya memerlukan maklumat lanjut mengenai Aktiviti Penukaran ini? |
| | <p>Sila layari laman web Bank di www.bsn.com.my untuk maklumat lanjut. Sebagai alternatif, anda boleh menghubungi Pusat Perhubungan Pelanggan BSN kami di 1300-88-1900.</p> |